

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bentuk-bentuk bantuan yang telah Kerajaan berikan kepada pusat pengajian pondok di negeri Kelantan dan berapa jumlahnya.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk institusi pengajian pondok yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah tertakluk kepada Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama Negeri dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan,

Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri.

Oleh itu, tanggungjawab memberikan bantuan dan pembangunan institusi tersebut adalah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Manakala bagi institusi pondok persendirian pihak lembaga pengurusan pondok berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya. Namun demikian Kerajaan sentiasa memberi perhatian mengenai pembangunan modal insan terutama yang melibatkan Pendidikan Islam termasuk sekolah-sekolah agama dan institusi tahfiz.

Sehubungan itu, selain bantuan dari Kerajaan Negeri, pada tahun 2015 institusi-institusi tersebut juga menerima bantuan dari Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebanyak RM25 juta secara *one-off* untuk diberikan kepada 119 pondok yang berdaftar dengan JAIN/MAIN bagi tujuan membangun dan menyelenggara fasiliti di sekolah pondok termasuk aspek keselamatan fizikal. Peruntukan berjumlah sebanyak RM9,596,000.00 telah disampaikan kepada 46 buah pondok yang berdaftar di negeri Kelantan.

Di samping itu, Kerajaan juga menggalakkan pusat pengajian pondok yang memenuhi syarat supaya berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Antara kebaikan berdaftar sebagai SABK ialah menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, jawatan hakiki guru diwujudkan serta menerima guru yang terlatih serta mendapat Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) percuma.

Sekian, terima kasih.